

BAB 5

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Kesimpulan

Bab ini akan membicarakan rumusan dan dapatan yang diperolehi hasil daripada kajian serta bacaan-bacaan terperinci daripada kitab-kitab tafsir, balaghah dan kitab-kitab nahu Arab, disamping menyarankan juga cadangan-cadangan yang membina untuk para pencinta ilmu bahasa Arab khususnya.

Merujuk kepada pembentangan dan perbahasan yang telah dipaparkan dalam bab-bab yang telah lalu, maka secara umumnya laporan penyelidikan ini boleh dirumuskan kepada beberapa perkara.

Antaranya ialah, jika dikaji dengan lebih menyeluruh, kita akan dapat bahawa bidang al-Quran mencakupi aspek yang sangat luas dan antara perkara yang boleh dibincangkan adalah semantik ayat al-Quran.

Melalui semantik ayat al-Quran ini dapat dilihat dengan lebih jelas keistimewaan kalam Allah Taala yang diturunkan kepada nabi Muhammad s.a.w dengan perantaraan Malaikat Jibril a.h.

Al-Quran sentiasa terbuka kepada semua generasi manusia yang bersilih ganti dan menerusinya umat manusia akan bertambah keimanan terhadap Allah Taala jika dihayati maksud ayat-ayat tersebut dengan lebih mendalam.

Selain daripada itu, kita dapat melihat persoalan yang dibincangkan dalam laporan penyelidikan ini ialah ia mampu menjentik minda para pembaca amnya untuk lebih mengakui bahawa al-Quran sebenarnya bukan hanya sekadar bahan bacaan sahaja. Padanya terdapat perkara-perkara yang menyentuh segala bidang kehidupan manusia biarpun hanya melihat kepada sintaksis ayat dan dijelaskan lagi menerusi semantik ayat.

Berikutnya, apabila dilihat secara khusus tentang bab-bab yang telah lalu, dapat disimpulkan bahawa penggunaan kata kerja dalam bahasa Arab dapat membantu para pembaca memahami dengan lebih jelas fahaman ayat-ayat yang berkaitan dan menyelami maksud tersurat di sebalik ayat-ayat tersebut.

Di samping itu, dapat dilihat juga hikmah Allah Taala yang tidak terbatas dengan setiap perkara yang telah Dia perturunkan kepada nabi Muhammad s.a.w dan ini termasuklah memahami semantik ayat menerusi kata kerja dalam bahasa Arab khususnya kata kerja *mādi* dan *mudāri*.

Memandangkan pemahaman al-Quran ini adalah perkara asas dalam keimanan setiap mukmin, sewajarnya perbahasan mengenai semantik al-Quran mendapat perhatian yang jitu di kalangan para pengkaji dan para ilmuan serta perlu dibincang dan diselidik secara meluas dan mendalam.

Para ulama telah memainkan peranan yang penting dalam perbahasan tentang perkara ini untuk membongkar segala rahsia keindahan balaghah al-Quran dan mendedahkan keunikan gaya bahasa al-Quran yang teragung dari segi uslub dan ta'bir untuk lebih mengukuhkan keimanan sebagai hamba Allah yang muslim dan mukmin.

Melalui perbahasan yang telah lalu juga dapat dirumuskan bahawa, kata kerja *mādī* dan *muḍāri`* dalam bahasa Arab ialah sebahagian daripada topik yang boleh dikaji untuk melihat keistimewaan semantik ayat al-Quran. Bermula dengan pengertian bagi kata kerja-kata kerja ini dan seterusnya melihat kepada makna penggunaan penggunaannya dalam ayat terutama ayat-ayat al-Quran, menunjukkan bahasa Arab itu nyata memberi kesan yang mendalam dalam bidang semantik al-Quran.

Dalam perbahasan-perbahasan yang telah lalu ia lebih menjurus kepada perbincangan tentang penggunaan yang berlawanan kehendak nahu bahasa Arab. Segala yang dibahaskan ini merupakan hikmah yang boleh diteliti dan diamati serta sekaligus manjadikan manusia itu berfikir tentang mukjizat al-Quran yang telah diturunkan Allah s.w.t. Ini adalah nikmat yang terbesar sekiranya hamba-Nya berfikir.

5.1 Cadangan

Dengan berlatarbelakangkan maklumat-maklumat menerusi pembacaan-pembacaan semasa membuat rujukan di sepanjang penulisan laporan penyelidikan ini, penulis ingin merakamkan beberapa cadangan dan saranan kepada para pengkaji, pendidik

dan juga para pelajar yang ingin membuat kesinambungan tentang semantik ayat al-Quran. Antara cadangan-cadangan tersebut adalah seperti berikut:

a) Pengkaji

Para pengkaji boleh mencetuskan idea melalui perbahasan-perbahasan dalam laporan penyelidikan ini dengan melihat kepada tajuk-tajuk yang difikirkan sesuai dengan semantik bahasa Arab dalam ayat al-Quran. Berikut adalah topik-topik yang penulis fikirkan sesuai dibincangkan secara meluas:

Pertama: Topik objek yang didatangkan dengan lafaz pembuat seperti dalam ayat al-Quran;

عيشة راضية ialah عيشة مرضية

لا مَعْصُومٌ مِّنْ أَمْرِ اللهِ إِلَّا عَاصِمٌ لِّيَوْمٍ مِّنْ أَمْرِ اللهِ

Para pengkaji boleh melihat hikmah penggunaan ayat seperti ini dalam ayat-ayat al-Quran.

Kedua: Dalam surah *Āl-Imrān* ini terdapat pada akhir ayat 166, pelaku bagi kata kerja **عَلَمَ** digunakan dengan kata nama. Manakala pada awal ayat 167, pelaku bagi kata kerjanya digunakan dengan frasa kerja. Di sini para pengkaji boleh melihat alasan-alasan kepada persoalan seperti ini.

وَلِيَعْلَمُ الَّذِينَ نَافَقُوا، وَقَلِيلٌ لَهُمْ تَعَالَوْا قَاتَلُوا فِي سَبِيلِ اللهِ أَوْ اذْفَعُوا
وَلِيَعْلَمُ الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ هُمْ بِالجَمِيعِ فَيَادُنَّ اللَّهُ يَوْمَ الْحِسْنَاتِ أَصَابَكُمْ

وَمَا أَصَابُكُمْ يَوْمَ النَّقِيَّةِ الْجَمِيعَانِ فِيَّا ذَنَّ اللَّهُ وَلَيَعْلَمَ الْمُؤْمِنُونَ
وَلَيَعْلَمَ الَّذِينَ نَافَقُوا، وَقَبْلَ لَهُمْ تَعَالَوْا قاتَلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَوْ ادْفَعُوا

Ketiga: Memandangkan setiap perkataan bahasa Arab memberi kesan mendalam al-Quran, para pengkaji juga boleh melihat pemilihan perkataan bahasa Arab dalam ayat-ayat al-Quran.

Contohnya dalam pemilihan dua perkataan yang berlainan dalam konteks ayat yang berlainan tetapi membawa maksud tujuan yang sama, seperti perkataan

سَرْحُونَ pada ayat 231 dalam surah al-Baqarah. Manakala terdapat perkataan lain dalam konteks lain yang membawa makna tujuan yang sama iaitu perkataan فَارْفُونَ pada ayat 2 dalam surah al-Talaq.

وَإِذَا طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ فَلْيَغْلِنْ أَجَلُهُنَّ فَأَمْسِكُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ أَوْ سَرْحُونَ بِمَعْرُوفٍ

فَإِذَا بَلَغْنَ أَجَلُهُنَّ فَأَمْسِكُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ أَوْ فَارْفُونَ بِمَعْرُوفٍ

Contoh lain ialah dalam surah al-An'am, ayat 151 dan surah al-Isra', ayat 31, iaitu:

وَلَا تَقْتُلُوا أُولَادَكُمْ مِنْ إِمْلَاقٍ

وَلَا تَقْتُلُوا أُولَادَكُمْ خَشْيَةً إِمْلَاقٍ

Para pengkaji boleh melihat alasan atau hikmah ayat al-Quran yang diturunkan sedemikian berpandu kepada semantik serta fahaman tersirat ayat-ayat tersebut.

Keempat: Di samping itu, kesan bahasa Arab dalam al-Quran melalui bidang semantik ini juga boleh dilihat melalui penggunaan perkataan lain yang lebih tepat dari segi makna bagi menggantikan perkataan zahir yang asal.

Contohnya: Perkataan **النِّسَاءُ** dalam surah al-A'raf, ayat 127.

قَالَ سَيْقَلٌ أَبْنَاءُهُمْ وَتَسْتَخْرِي نِسَاءُهُمْ

Jika dilihat dari segi zahir, sewajarnya digunakan perkataan **بَنَاتُ** tetapi dalam ayat ini digunakan perkataan **نِسَاءُ**. apakah hikmah yang boleh dikoreksi daripada persoalan ini? Inilah antara persoalan yang timbul di benak fikiran penulis untuk para pengkaji membuat tinjauan lanjutan. Wallahu a'lam.

b) Pendidik

Penulis juga ingin menyarankan kepada para pendidik agar menekankan kefahaman ayat al-Quran yang tersirat melalui bahasa itu sendiri dan bukan sahaja membaca tanpa memahami isi kandungannya.

Bagi sesetengah pengkaji yang mengkaji ilmu al-Quran ini tanpa mempelajari terlebih dahulu bahasa Arab yang menjadi intipati al-Quran itu sendiri, kemungkinan besar akan memberi pentafsiran atau kehendak maksud ayat yang salah.

Sebenarnya melalui kaedah pembelajaran ini dapat menambahkan kelazatan dan keinginan untuk mendalami dan menghayati bahasa Arab, sekaligus menimbulkan

minat pelajar terhadap al-Quran dan bahasa Arab itu sendiri. Memandangkan pelajar kurang berminat terhadap bahasa Arab, apatah lagi mendalami bidang semantik yang dianggap agak sukar, maka penulis mencadangkan agar menggunakan pendekatan seperti ini.

c) Pelajar

Kepada para pelajar pula, mengkaji ilmu dalam bidang yang seperti ini bukan sahaja dapat menjadikan diri faqih kita dengan selok belok tafsiran al-Quran, malah ia juga sebagai ilmu tambahan bagi memantapkan pelajar dalam penguasaan bahasa Arab, sekaligus menghayati maksud-maksud yang digunakan dalam konteks ayat al-Quran.

Mudah-mudahan penulisan laporan penyelidikan ini dapat menjadi sebahagian daripada koleksi dan bahan rujukan bagi penyelidikan bahasa khususnya bahasa Arab dan dapat membantu pencinta-pencinta bahasa yang memerlukan maklumat mengenai penggunaan sistem kala dan kata kerja bahasa Arab dalam al-Quran .

5.2 Penutup

Alhamdulillah kerana dengan inayah-Nya maka selesailah penulisan laporan penyelidikan yang serba sederhana ini. Besarlah harapan saya agar laporan penyelidikan ini dapat memberi manfaat kepada para ilmuan amnya dan pencinta ilmu bahasa Arab khususnya. Sebagai penulis, saya mengharapkan terdapat kesinambungan yang lebih mantap dan jitu berkenaan dengan semantik ayat al-

Quran sebagai satu bidang kajian. Saya juga mengharapkan terdapat sentuhan pemikiran yang lebih efektif terutama dalam perbahasan semantik ayat al-Quran kerana mengkaji dalam bidang ini merupakan satu usaha yang murni untuk paparan dan juga bahan rujukan penting untuk anak didik di peringkat yang lebih tinggi mahupun kepada para pendidik yang sering dahagakan ilmu pengetahuan. Moga-moga usaha kecil ini mendapat keberkatan daripada Allah Rabbul Izzati. Wallahu A`lam.